

Cari penyelesaian isu peniaga asing

Kita sambut baik langkah kerajaan tubuhkan jawatankuasa babitkan lima kementerian, bukan sahaja untuk tangani kebanjiran dan monopoli peniaga warga asing di Pasar Borong Selayang dan Kuala Lumpur, malah merungkai cengkaman mereka dalam rantaian bekalan yang menindas pekebun serta peruncit tempatan.

Kita juga sangat berharap pembabitan lima kementerian terbabit sebagai isyarat agar masalah yang membarah itu akan ditangani dari semua aspek.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani perlu melihat sistem penghantaran dan bekalan lebih efisien bermula dari pekebun.

Di pasar borong, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Kementerian Wilayah Persekutuan perlu pastikan tiada lompong boleh dieksplotasi peniaga warga asing.

Jika benar ada unsur kegiatan kongsi gelap, ia diharap boleh dicantas dengan pembabitan Kementerian Dalam Negeri (KDN) khususnya Polis Diraja Malaysia (PDRM), manakala pendatang tanpa izin pula perlu berdepan dengan Jabatan Imigresen.

Lebih berkesan jika turut membabitkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) supaya lompong yang dieksplotasi dapat ditutup kejap, seterusnya apa juga tindakan mampu membawa penyelesaian menyeluruh.

Isnin, 10 Februari 2020 | 11:00am

Minda Pengarang

Orientalism hasil karya Edward Said. - Foto thecompanion.in

Cari penyelesaian isu peniaga asing

Kita sambut baik langkah kerajaan tubuhkan jawatankuasa babitkan lima kementerian, bukan sahaja untuk tangani kebanjiran dan monopoli peniaga warga asing di Pasar Borong Selayang dan Kuala Lumpur, malah merungkai cengkaman mereka dalam rantaian bekalan yang menindas pekebun serta peruncit tempatan.

Kita juga sangat berharap pembabitan lima kementerian terbabit sebagai isyarat agar masalah yang membarah itu akan ditangani dari semua aspek.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani perlu melihat sistem penghantaran dan bekalan lebih efisien bermula dari pekebun.

Di pasar borong, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) serta Kementerian Wilayah Persekutuan perlu pastikan tiada lompong boleh dieksplotasi peniaga asing.

Jika benar ada unsur kegiatan kongsi gelap, ia diharap boleh dicantas dengan pembabitan Kementerian Dalam Negeri (KDN) khususnya Polis Diraja Malaysia (PDRM), manakala pendatang tanpa izin pula perlu berdepan dengan Jabatan Imigresen.

Lebih berkesan jika turut membabitkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) supaya lompong yang dieksplotasi dapat ditutup kejap, seterusnya apa juga tindakan mampu membawa penyelesaian menyeluruh.